

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS PERASMIAN
LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM
Venue : HULU LANGAT, SELANGOR
Date : 20/08/2025

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2

20 OGOS 2025 (RABU) | 3.00 PETANG

HULU LANGAT, SELANGOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah rabbi 'alamin,

Nahmaduhu wa nusalli 'ala Rasoolihil Kareem,

Wa 'ala alihi waasahbihi ajma'in.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof,

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air;

Yang Berhormat Dato' Ir. Izham bin Hashim,

Exco Infrastruktur & Pertanian, Negeri Selangor mewakili Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor;

Ahli-Ahli Yang terhormat;

Yang Berbahagia Dato' Haji Mad Zaidi Bin Mohd Karli,

Ketua Setiausaha, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi;

Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Jaseni Maidinsa,

Pengerusi Pengurusan Aset Air Berhad;

Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Persekutuan dan Negeri Selangor;

Keluarga Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan semua yang hadir,

1. Saya ucap syukur alhamdulillah dan tahniah atas kejayaan yang membanggakan, projek mega yang memberi manfaat langsung kepada rakyat. Tentunya projek ini dinanti-nantikan kerana memenuhi keperluan strategik rakyat dan kerjasama semua pihak.
2. Pertama, saluran dari Pahang ke Selangor, memenuhi keperluan Kuala Lumpur, Putrajaya dan sebahagian besar Selangor. Jadi kita berasa bangga terutama sepertimana disebut oleh Dato' Sri Fadillah tadi, dikendalikan oleh syarikat-syarikat tempatan yang menunjukkan kemahiran, keupayaan mereka menguasai teknologi baru, walaupun beberapa kelengkapan itu diimport, tetapi keupayaan pasukan kejuruteraan dan technical expertise kita itu menunjukkan sudah sampai tahap di mana penyelenggaraan dan persiapan Loji Rawatan Air Langat 2 ini boleh kita letakkan sebagai salah satu projek besar, teknologi canggih yang dikendalikan oleh anak-anak Malaysia sendiri. Saya ucap tahniah. Tahniah!
3. Tapi seperti mana yang disinggung sebentar tadi masih lagi kita menghadapi beberapa cabaran keperluan air di negara kita, yang juga terkait dengan pembaziran cara penggunaannya dan juga tentang kelemahan kerana sistem saluran yang lama menyebabkan pembaziran dari non-revenue water, yang menjadi masalah yang besar. Saya dengar Dato' Sri Fadillah dalam Jemaah Menteri sudah

berbelas kali bangkitkan isu itu dan sebab itu dalam perbincangan yang disebut semalam di Kementerian Kewangan, kita telah jadikan ini juga di antara keutamaan dalam kerangka Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13).

4. Seperti saudara tahu Rancangan Malaysia Ketiga Belas itu menentukan supaya kita memusatkan kepada tonggakunya iaitu mengangkat, menaikkan siling negara, apa lagi Selangor yang menerajui dalam bidang ini dan menunjukkan keupayaan dengan kecekapan, menarik pelaburan asing dan menjadikan di antara negeri yang paling berjaya mencatat pertumbuhan ekonomi yang rancak.
5. Itu untuk mengangkat siling negara, kerana negara tidak mungkin bawa perubahan yang bermakna kalau kekuatan ekonomi itu tidak ada. Dan kekuatan ekonomi, sama ada domestic resilience, tadi kita mesyuarat Lembaga Khazanah umpamanya dan di antara keutamaan ditekankan juga ialah tentang daya tahan, daya saing dan keupayaan tenaga domestik untuk menjana pertumbuhan yang lebih segar. Dan ini juga kita bicarakan semalam.
6. Jadi saya nak tunjukkan bahawa saban hari cari jalan dan kaedah, memaknai, melaksanakan tonggak daripada Rancangan Malaysia Ketiga Belas, iaitu menaikkan siling. Apatah lagi dalam keadaan geopolitik yang tidak menentu. Kita baru mula diancam dengan tarif dari Amerika Syarikat, keputusan Presiden Donald Trump. Walaupun diturunkan ke 19% itu juga sangat mencabar walaupun tidak terlalu menyulitkan, tetapi belum ada ketentuan. Kita bicara soal E&E dan semikonduktor, kerana eksport kita di Amerika Syarikat itu tinggi

dan apa sahaja keputusan mereka itu akan menggugat. Sebab itu, beberapa perancangan kita dalam mengangkat menaikkan siling itu, supaya tidak terhambat dan terhalang pertumbuhan ekonomi, kita gunakan beberapa rencana. Mengundang pelaburan dari kekuatan tradisional kita, Amerika, Eropah dan sekarang lebih banyak di Amerika dan juga pasaran, pelaburan di rantau baru dan negara-negara baru yang berkembang ekonominya, melalui BRICS ke Brazil, Afrika Selatan dan beberapa negara Eropah, supaya peningkatan pelaburan dan perdagangan itu dapat ditingkatkan.

7. Ini yang dikatakan menaikkan siling. Tetapi kalau meningkatkan siling seperti pelaburan. Bayangkan bekalan air, saya baru tanya Datuk seri Fadhillah tadi, ini RM42 bilion bukan kecil dan sebab itu sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pengurusan PAAB yang dapat mengendalikan dengan baik, dengan membanggakan, kerana ini projek yang memerlukan bukan sahaja kecekapan, keterampilan tetapi juga pengurusan yang cekap dan bertanggungjawab. Tapi saya nak tekankan ini besar dana yang diperlukan. Seperti juga non-revenue water dan juga keperluan empangan-empangan baru. Tapi ini kita tidak ada pilihan kerana ini menjamin keselesaan memenuhi keperluan rakyat. Cuma yang saya nak tekankan ialah hal ini semua tidak dapat dilakukan, kalau tidak ditingkatkan siling pembangunan ekonomi.

8. Jadi tonggak kedua, meninggikan lantai dari segi pendapatan dan keselesaan rakyat itu bergantung juga kepada keupayaan kita menjana pertumbuhan ekonomi.

9. Jadi saudara-saudara, saudari-saudari yang bertanggungjawab ini tahu bahawa ada sumbangan untuk menjadikan Selangor dan negara Malaysia ini yang lebih berjaya dengan menaikkan siling dan juga lantai. Tapi kemudahan asas itu penting.

10. Kemudian, pendapatan rakyat. Dan pendapatan itu hanya dengan kecekalan latihan yang bertambah, talent yang dapat ditingkatkan, kemahiran baru. Dan ini selari dengan keperluan. Umpamanya, apakah mungkin kita kendali projek raksasa begini? Menelan belanja besar dengan teknologi canggih dan teknologi baru? tidak mungkin, melainkan ada golongan teknikal dan profesional yang terlatih, pengurusan yang cekap dan kita telah buktikan permulaannya itu sangat membanggakan.

11. Dan yang ketiga, tonggak dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas ialah soal tatakelola, pengurusan. Negara mana pun, hebat sepertimana pun, kaya bagaimanapun, tidak mungkin bertahan kalau pengurusan yang lemah, kecurangan berlaku, keterlanjuran itu dibiarkan dan penyelewengan itu diremehkan.

12. Selalu saya popularkan gesaan Mohandas Gandhi yang terkenal sebagai Mahatma Gandhi yang menyatakan dunia ini mencukupi bagi keperluan semua manusia, tetapi dunia tidak mungkin mencukupi untuk memenuhi keperluan tamak haloba manusia. The world is enough for every man's need, but never enough for every man's greed.

13. Jadi antara itu sebabnya maka pengurusan yang jadi tonggak ketiga dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas itu menjadi dasar yang kita boleh tekankan di semua agensi Kerajaan, di semua syarikat-syarikat Kerajaan, jabatan-jabatan dan kementerian.
14. Balik kepada LRA Langat 2 ini, tadi dijelaskan dan saya tidak bermaksud mengulangi kerana expertise-nya pada menteri-nya yang memang sudah lama dalam bidangnya. YB Dato' Seri Ir. Jaseni Maidinsa tadi pun sudah jelaskan, tetapi saya nak tunjukkan bahawa kita tidak dapat umpamanya pertahankan kredibiliti kita sebagai negara yang aman, cekap, kalau hal-hal yang basic seperti air dan tenaga itu tidak dapat kita selesaikan.
15. Di antara sebab Malaysia menjadi tarikan bagi data centres, Artificial intelligence (Ai) dan new technology, termasuk semikonduktor, ialah kemudahan air dan tenaga. Jadi air dan tenaga ini terlalu strategik, sebab itu tugas ini diamanahkan kepada TPM, kerana ini yang menyebabkan kalau tanya semua mereka, biasanya water and energy, standard jawapannya, dan tentunya ketiganya profesional, workforce dan sebagainya.
16. Jadi bagi kita soal air dan tenaga ini bukan sahaja dapat disediakan tapi nak dikawal supaya dengan kadar harga yang munasabah dan tidak membebankan rakyat. Selangor tentunya catat rekod kerana ialah negeri yang pertama yang telah menjamin kemudahan bekalan air basic kepada rakyat yang miskin secara percuma dan kadar yang berpatutan.

17. Jadi, saya ucap tahniah. Jadi mudah-mudahan dengan tumpuan kita ini dapat kita kembangkan, saya tahu ada rancangan-rancangan lain, sebab ini terikat ya. Masalah air ini, masalah air jenuh pun masalah, air kurang pun masalah, air jenuh dia banjir, air kurang dia kemarau, dah tak ada air. Jadi sebab itu dalam pengalaman saya dari dulu, banyak kementerian saya tak pernah mahu kementerian yang melibatkan air, pening kepala (nada seloroh).

18. Tapi maknanya Perancang, KSU dan SPAN semua ini diberi tanggungjawab untuk memantau senantiasa, kedudukan, keperluan, kecukupannya, itu sudah jadi satu kerja yang berterusan. Saya dalam mesyuarat Jemaah Menteri, Dato' Sri Haji Fadillah tahu kadang-kadang saya mengeluh juga. Saya kata bagaimana satu negara dengan airnya melimpah, banjirnya 2-3 kali setahun tapi ada masa tak cukup air. Maknanya something wrong bukan kerana kurnia Allah SWT, tapi kerana kekurangan kepintaran manusia.

19. Saya beri contoh negara-negara Arab, saya tahu seperti Jordan yang hujan lebatnya mungkin 2 hingga 3 kali setahun, tapi boleh menyimpan air untuk memenuhi keperluan. Sebab itu teknologi kita ini bukan sahaja dari segi kecanggihan ini, tetapi untuk memastikan penjimatan air itu berkala. Kita tahu, lihat sahaja di masjid-masjid, orang mengambil wuduk, semua tahu membazir, golongan membazir itu 'Innal mubazzirina kanu ikhwana asy-syayaathin', semua tahu. Tetapi dalam amalannya, ambil wuduk itu boleh untuk satu orang kalau di Arab Saudi mungkin untuk 20 orang, cara kita membazir. Jadi, latihan itu perlu juga, selain daripada langkah-langkah lain untuk menyimpan air semasa kita menerima air yang melimpah, untuk memenuhi keperluan semasa kemarau.

20. Jadi, saya hari ini hadir hanya untuk memberikan sokongan dan menyatakan penghargaan kepada rakan-rakan yang menjayakan projek ini. Saya tahu projek ini projek raksasa, projek yang menuntut usaha dan kerja dan tenaga yang bersungguh-sungguh, perancangan yang teliti, teknologi yang canggih. Jadi sebab itulah bila diundang saya rasa eloklah saya datang sekadar menyatakan dan mengucapkan penghargaan terima kasih setinggi-tingginya kepada semua yang telah menjayakan sebelum kita lancarkan Loji Rawatan Air Langat 2.

Terima kasih.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office portal

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/08/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-perasmian-loji-rawatan-air-langat-2-2/>